JURNAL YADIM
ياياسن دعوه اسلامية مليسيا
"International Journal Of Islam And Contemporary Affairs"

VOL. 6 (2) | DISEMBER 2026: 1-18
E-ISSN: 2785-8898
www.e-jurnal.yadim.com.my

Submission date: 1 Mac 2026 Acceptance date: 20 August 2026
Available online: 13 September 2026

IMEJ NEGARA TURKI DALAM NOVEL DAKWAH PASCA ISLAMISME DI MALAYSIA DAN INDONESIA

THE IMAGE OF TURKIYE IN POST ISLAMISM DAKWAH NOVELS IN INDONESIA AND MALAYSIA

[i]*Ummi Hani Abu Hassan, [ii]Abdul Muqit Muhammad,
[iii]Ahmad Fauzi Abdul Hamid, [iv]Kim Dong Hoon

[i,iv]Jabatan Pengajian Melayu-Indonesia, Hankuk University of Foreign Studies, 107, Imun ro, Dongdaemun Gu, 02450, Seoul, Korea.

[ii] Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Open Universiti Malaysia, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

[iii.]Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, 11800, Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia

Corresponding Author; e-mail: *ummihani.abuhassan@hufs.ac.kr

DOI: //doi.org/10.61465/jurnalyadim.v6.389

ABSTRAK

Fenomena novel dakwah Islam di Indonesia dan Malaysia yang bermula pada tahun 2004 sehingga kini mencetuskan perbincangan baharu yang dapat diklasifikasikan sebagai kesusasteraan pasca Islamisme. Perbincangan mengenai kesusasteraan pasca Islamisme amat sedikit kerana konsep pasca Islamisme sering dikaitkan dengan politik dan pemikiran Islam semasa. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif secara pembacaan mendalam berdasarkan tema kesusasteraan pasca Islamisme dengan menetapkan objektif utama iaitu menjelaskan latar-belakang kemunculan sastera Islamisme dan ciri-ciri naratifnya. Hasil penelitian menunjukkan bahawa kesusasteraan dakwah pasca Islamisme dikaitkan dengan tiga faktor utama iaitu proses dakwah Islam masyarakat yang berterusan, budaya media yang tumbuh hasil kesuburan politik demokrasi dan persaingan antara penerbit yang dipacu ekonomi semasa. Manakala, struktur naratif kesusasteraan pasca Islamisme diikat oleh nilai-nilai komersial, kontemporari dan penjenamaan popular. Salah-satu kecenderungan novel kesusasteraan dakwah pasca Islamisme adalah mengangkat latar negara-negara majoriti umat Islam dengan penyatuan antara isu serius seperti masalah

politik dunia Islam dengan isu yang lebih ringan iaitu cinta romantik Islam. Kajian ini memfokuskan kepada dua novel yang menjadikan Turki sebagai latar cerita iaitu novel *Api Tauhid* (2015) karya Habiburrahman El-Shirazy dan *Rona Bosphorus* (2002) karya Zaid Akhtar. Kajian mendapati wujud persamaan antara kedua novel bagi memposisikan Turki sebagai negara hero umat Islam dari segi politik dan ekonomi, di samping isu-isu dakwah kontemporari. Secara tidak langsung, Turki telah dijadikan ikon dalam pengukuhan kesusasteraan dakwah pasca Islamisme di Indonesia dan Malaysia.

Kata Kunci*:* Kesusasteraan Melayu, novel, dakwah, Pasca Islamisme, Turki

ABSTRACT

The phenomenon of Islamic dakwah novels in Indonesia and Malaysia since 2004 has heralded new discussions on literature that emerged during the era of post-Islamism. This study uses a qualitative research method through in-depth reading based on the theme of post-Islamist literature with the main objective of explaining the background of the emergence of post-Islamism literature and its narrative characteristics. This post-Islamism discourse owes its origins to three main factors, namely the process of Islamization in society, the media culture spurred by political democratization and stiff competition among publishers driven by economy. Narratives of the post-Islamist dakwah literature are, meanwhile, dovetailed by commercial and contemporary values, and popular branding. One of the tendencies of the post-Islamist literature is to highlight Muslim-majority countries by juxtaposing serious issues like politics with relatively innocuous themes such as romantic love. This study focuses on two novels that position Turkiye as the backdrop of the storytelling. First, Habiburrahman El-Shirazy's Api Tauhid (2015), and secondly, Zaid Akhtar's Rona Bosphorus (2002). This study finds a striking similarity between these novels which accentuate Turkiye's sterling position as a country at the forefront of Muslim political and economic progress, and a beautiful country where romantic love can fruitfully blossom. Indirectly, Turkiye has gained iconic status in the flourishing of dakwah literature in Indonesia and Malaysia with tone of Post Islamism.

Keywords: Malay literature, novel, dakwah, Post Islamism, Turkiye.

PENDAHULUAN

Sastera merupakan ciri kesenian utama Al Quran. Setiap baris, huruf dan kalimah yang terkandung di dalamnya adalah keindahan yang tidak boleh ditandingi manusia. Sastera Al-Quran bertujuan membersihkan jiwa manusia, luaran dan dalaman serta menekankan hubungan sesama manusia bagi faedah sejagat (Nurazmi Kuntum, 1991). Penurunan Al-Quran membawa episod baru dalam aktiviti kesusasteraan manusia. Al-Quran membezakan para penyair kepada dua kelompok iaitu penyair-penyair yang beriman dan penyair-penyair yang sesat seperti dalam Surah Asy-Syua'ra ayat 224 sehingga 227. Para penyair atau seniman mendapat perhatian khusus dari Allah SWT kerana keupayaan mereka menyusun

kata-kata indah, mengagumkan dan mengharukan hati orang lain. Mereka berkemampuan membawa manusia ke jalan kesesatan atau jalan kebenaran. Para penyair yang dibenarkan oleh Islam adalah penyair yang memperjuangkan dakwah Tauhid (Hamka, 2018). Pengiktirafan Islam terhadap aktiviti kepenyairan menyebabkan bidang kesusasteraan berkembang. Para penyair dan penulis beriman menggunakan kesusasteraan sebagai alat penyebaran dakwah Islam ke seluruh dunia. Salah-satu topik utama yang ditulis para penyair Islam adalah cinta (Md Ataur Rahman, 2010).

Artikel ini menyorot sudut pandang dua pengarang iaitu Zaid Akhtar dari Malaysia dan Habiburrahman El-Shirazy dari Indonesia yang telah meletakkan latar Turki dalam novel dakwah masing-masing. Pemilihan latar ini akan dikaitkan dengan fenomena pasca Islamisme khususnya dalam bidang kesusasteraan. Istilah pasca Islamisme (post-Islamism) dicetuskan oleh Asef Bayat pada tahun 1995 merujuk perubahan lanskap politik Iran daripada gagasan negara Islam secara rigid kepada penyatuan Islam dengan nilai universal dan kemodenan secara harmoni. Beliau memberi gambaran bahawa, sejak awal tahun 1990-an sehingga kini, wujudnya usaha mengislamisasikan keperluan sosial, politik, ekonomi dan pendidikan dengan cara yang lebih halus dan berdinamika semasa. Bahkan, pengaruh interaksi masyarakat Muslim dengan non-Muslim di peringkat nasional dan antarabangsa menjadikan hegemoni pasca Islamisme lebih pantas di Iran dan negara-negara majoriti penduduk Islam seluruh dunia (Koh Young Hun et.al., 2019).

Kajian ini amat penting kerana perbincangan pasca Islamisme sering dikaitkan dengan politik dan pemikiran Islam semata-mata. Berdasarkan pembacaan mendalam, kajian mendapati bahawa unsur pemikiran pasca Islamisme turut bertapak dalam kesusasteraan. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah menjelaskan latar-belakang dan ciri kesusasteraan pasca Islamisme di Malaysia dan Indonesia serta membuat perbandingan tema pasca-Islamisme yang telah dikenal-pasti iaitu isu politik Islam Turki yang serius bersama isu cinta romantis. Perbincangan ini juga dapat menguatkan hujah bahawa kecenderungan para penulis sastera dakwah di Malaysia dan Indonesia yang mengangkat latar Turki adalah disebabkan faktor pangaruh aliran pasca Islamisme dalam masyarakat sebenar. Kedua-dua pengarang menggunakan strategi dakwah dengan fokus Turki sebagai negara gerakan Islam dan Turki sebagai negara komoditi dan budaya popular Islam.

SOROTAN LITERATUR

Sastera Islam di Malaysia dapat dibahagikan kepada dua era iaitu tradisional dan moden. Di era tradisional, sastera Islam telah digunakan oleh penulis-ulamak untuk menyebarkan dakwah di seluruh Nusantara melalui karya berbentuk syair, hikayat dan prosa. (Rosni Samah, 2013). Terdapat lebih kurang 5000 manuskrip kesusasteraan Melayu tradisional sejak kurun ke 13 hingga awal kurun ke 20 yang membantu memperkukuhkan tamadun Melayu-Islam Nusantara. Sastera Islam di era moden ditandai dengan karya-karya yang diterbitkan melalui teknologi percetakan. Sebelum Perang Dunia Kedua, karya sastera seperti puisi, cerpen dan novel mulai dicetak dalam bentuk buku, majalah dan akhbar. Menurut Yusoff Zaki Yacob (1984) di waktu ini, hubungan Islam dan sastera adalah mesra. Perubahan berlaku selepas perang apabila para penulis angkatan baru di Malaysia meminggirkan nilai-nilai Islam dalam karya mereka. Walau bagaimanapun, pada waktu itu usaha dakwah dalam karya kreatif terutama novel dan puisi aktif di kalangan para penulis Indonesia. Karya –karya mereka turut merebak ke Malaysia. Hamka misalnya dianggap sebagai penulis-ulamak yang perlu dicontohi para penulis Melayu. Gesaan ini menjadi titik pendebatan terhadap konsep dan teori sastera Islam di Malaysia (Rosni Samah, 2013).

Sekitar Tahun 2004, sastera Islam di Malaysia dan Indonesia mengalami perubahan pada struktur luaran dan dalaman karya serta dapat dikategorikan sebagai sastera pasca Islamisme. Istilah sastera pacsa Islamisme berhubungan dengan perkembangan pemikiran Islam arus semasa. Penonjolan imej Islam dalam media massa mencerminkan pembaharuan apabila ianya dikaitkan dengan budaya konsumer Muslim. Islam bukan sahaja menjadi tunjang kepercayaan hidup bahkan sering ditonjolkan sebagai gaya hidup, fesyen dan citarasa masyarakat Muslim di Malaysia dan Indonesia. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh sistem ekonomi bebas yang subur di kedua-dua negara. Penyumbang utama kepada budaya popular Islam adalah masyarakat pertengahan Muslim yang mempunyai kemampuan mendapatkan barangan dan perkhidmatan yang berlabelkan Islam (Bart Barendregt, 2012).

Kenyataan Asef Bayat (2007) bahawa kemunculan pasca Islamisme bukanlah menandakan wacana Islamisasi telah tamat membuka pelbagai tafsiran terhadap identiti pasca Islamisme. Sebahagian pengkaji menyusuri ciri-ciri pasca Islamisme hanya sebagai pelengkap kepada Islamisme tetapi dalam pesona yang lebih dinamik tanpa meninggalkan doktrin asalnya. Oleh kerana pasca Islamisme tidak lagi mementingkan pewacanaan Islam

secara politik terang, hegemoninya lebih tersusun dan halus di seluruh dunia khususnya di negara majoriti penduduk Islam. Pasca Islamisme digerakkan oleh masyarakat sivil melalui aktiviti-aktiviti dalam persatuan profesional seperti badan bukan kerajaan (NGO), masjid dan pertubuhan amal. Atas dasar itu, ianya melangkaui perbezaan politik dan kuasa autoriti kerajaan. Malah, sebahagian tatacaranya dilihat tidak Islamik dari sudut definisi tetapi mengandungi nilai-nilai Islam secara praktikal dan tindakan. Pasca Islamisme juga adalah usaha-usaha gerakan Islam untuk menyesuaikan suara agama dengan hak asasi individu, sekaligus menyerapkan peranan luas Islam dalam sfera awam yang dianggotai individu (Asef Bayat, 2017).

Salah satu produk yang dijenamakan dengan simbol Islam adalah novel-novel sastera. Kemuncak pemasaran novel-novel Islam berlaku pada tahun 2004 selepas terbitnya Novel *Ayat-Ayat Cinta* (2004) oleh Habiburrahman El-Shirazy yang mencapai jualan 700 ribu naskah pada tahun pertama terbitannya (Anif Sirsaeba, 2006). Rentetan itu memberikan perubahan baharu terhadap konsep novel Islam yang bukan sahaja mengutarakan nilai-nilai Islam pada kandungan karya tetapi juga terserlah pada fizikal novel khususnya terhadap ilustrasi kulit buku (cover), judul dan perjenamaan nama pengarang. Novel-novel pasca Islamisme di Indonesia dapat dikenali melalui imej dan simbol keislaman yang mengikuti novel *Ayat-Ayat Cinta* (2004) seperti *Syahadat Cinta* (2006), *Musafir Cinta* (2007) dan *Makrifat Cinta* (2007) oleh Taufiqurrahman Al-Azizy, *Mukjizat Cinta* (2007) oleh Muhammad Masykur A.R Said, *Kasidah-Kasidah Cin*ta (2007) oleh Muhammad Muhyidin dan *Tahajud Cinta* (2008) oleh Muhammad El-Natsir (Mohd Zariat Abdul Rani 2012). Dari tahun 2007 sehingga 2016, lebih 300 buah novel bertemakan cinta romantik yang diselaraskan dengan Islam diterbitkan.

Rating jualan yang tinggi mendorong para penerbit Malaysia mencetak novel-novel popular yang bernafaskan Islam seperti yang berlaku di Indonesia. Misalnya Penerbit PTS Sdn Bhd menerbitkan *Salju Sakinah* (2008) oleh Zaid Akhtar dan *Warkah Cinta Berbau Syurga* (2008) oleh A. Ubaidillah Alias. Syarikat Telaga Biru Sdn. Bhd pula menerbitkan *Cinta Ain Naqilah* (2009) oleh Athirah Taha dan *Cinta Granada* (2009). Selain itu, kesamaan lain yang dikenal-pasti adalah sikap penulis yang sering menggandingkan isu serius tentang masyarakat Islam dengan isu-isu cinta romantik. Walaupun pada awalnya kemunculan novel pasca Islamisme di Indonesia adalah untuk melawan novel-novel ‘sastra wangi’ iaitu kumpulan penulis liberal dan sekular yang muncul selepas kejatuhan rejim Presiden Soeharto

pada tahun 1998, namun sambutan pasaran yang besar menyebabkan perang ideologi berganti dengan perang penjenamaan termasuk mengemukakan tema-tema cinta seksualiti bercirikan Islam. Selain itu, penerjemahan novel *Ayat-Ayat Cinta* ke dalam Bahasa Melayu oleh Penerbit Hidayah Publisher telah membuka lembaran baru kepada industri novel Islam di Malaysia. Bermula tahun 2006 sehingga kini, para penerbit berlumba menjenamakan novel Islam mengikut selera pasaran. Misalnya, Penerbit Alaf 21 yang sebelumnya menerbitkan novel romantik umum mula mencetak novel-novel popular Islam di bawah pakej Novel Nur. Manakala Galeri Ilmu Sdn. Bhd. menerbitkan novel-novel Islam yang disertai dengan penerbitan siri drama televisyen iaitu *Hani* (2010), *Keimanan Cinta* (2011), *Dingin Salju Indiana* (2012) dan *Satu Bulan Tiga Bintang* (2012). Humaira Publication pula memilih label novel Islam yang non-Islamik pada muka kulit dan judul, tetapi sangat Islamik pada kandungan dan mesej novel; antara yang diterbitkan adalah *Best Friend Forever, Yongwonhan Chingu* (2015), *Opah Gangnam Style* (2015) dan *Imamku, Mr kimchi* (2014). Penggunaan perkataan dari bahasa Korea adalah strategi yang selari dengan fenomena K-pop di Malaysia. Genre ini juga cenderung mengangkat judul yang memiripi tajuk-tajuk drama bersiri popular di televisyen antaranya *Eh! Awak Lagi?* (2015), *Hanya Dia Untukku* (2015), dan *Saya Tunggu Awak* (2013) terbitan Syarikat Galeri Ilmu Sdn. Bhd. Gaya judul yang sama dengan novel popular umum menyebabkan novel Islam diletakkan di bahagian bacaan popular umum di kedai-kedai buku seperti Popular dan MPH (Koh Young Hun & Ummi Hani Abu Hassan, 2015).

Media melariskan pemasaran budaya popular yang digandingkan dengan label Islam serta disambut masyarakat Muslim di Indonesia dan Malaysia (Farish Noor, 2015). Para intelektual Muslim, novelis, penerbit televisyen, pengarah filem, artis, ahli muzik dan pihak-pihak yang terlibat dalam media popular bebas menerjemahkan Islam melalui media massa di kedua-dua negara. Tambahan pula, arus media sosial bersama aplikasi siaran langsung (*live*) seperti Facebook Live, Instagram Live dan Tik Tok Live melonjakkan mesej-mesej penyampaian Islam dengan gaya lebih ringan, pantas dan berpengaruh luas sekaligus mengukuhkan era pasca Islamisme di kedua-dua negara. Oleh itu, novel-novel sastera pasca Islamisme menjadi tanda kesusasteraan dakwah di Malaysia dan Indonesia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara analisis teks untuk memahami konsep kesusasteraan pasca Islamisme di Malaysia dan Indonesia. Kajian bermula dengan pembacaan mendalam terhadap konsep pasca Islamisme yang membawa kepada fenomena pasca Islamisme dalam media massa termasuk novel di kedua-dua negara. Kajian seterusnya menetapkan tema analisis iaitu Turki sebagai negara yang melahirkan banyak gerakan-gerakan politik Islam dan Turki sebagai pusat komoditi budaya popular. Hasil pembacaan konsep dan analisis tema mendapati bahawa dua pengarang iaitu Habiburrahman El-Shirazy dari Indonesia dan Zaid Akhtar dari Malaysia mempunyai persamaan latar-belakang kehidupan, pengajian dan aktif menulis dalam kesusasteraan Islam pada era yang sama. Kedua mereka menghasilkan sebuah novel Islam yang bertemakan Turki dengan isu-isu pasca Islamisme iaitu Turki sebagai negara yang mempunyai isu-isu pemikiran Islam dan Turki sebagai latar percintaan bagi watak-watak utama di dalam novel masing-masing. Atas faktor berikut, kajian membuat perbandingan tema di dalam Novel *Rona Bosphorus* karya Zaid Akhtar dan Novel *Api Tauhid* karya Habiburrahman El-Shirazy.

HASIL KAJIAN

Turki Sebagai Negara ‘Hero’ Umat Islam

Pemerintahan Kerajaan Turki Uthmaniyah iaitu sistem pemerintahan khalifah Islam terakhir telah membangkitkan penghormatan negara-negara Islam pasca-kolonial kepada Turki sehingga kini. Dalam sejarah modennya, Turki menerima pengaruh Eropah sejak abad ke 17 selepas kekuatannya mulai luntur. Anak-anak golongan bangsawan Turki dihantar belajar di negara Eropah dengan tujuan kembali merefomasikan sistem pemerintahan Turki yang lemah. Anak-anak bangsawan ini lebih dikenali dengan gelaran “Young Ottoman” oleh para pengkaji. Mereka dihantar ke negara-negara Eropah dengan hasrat memodenkan sistem pentadbiran Turki (Ussama Makdisi, 2002). Namun begitu, bibit-bibit keruntuhan kerajaan Turki Uthmaniyah berlaku apabila muncul gerakan nasionalisme Turki yang digerakkan oleh generasi Turki Muda atau lebih dikenali sebagai *Young Turks* (*Turk Ojaghi*) pada tahun 1912 (Dressler, M. 2015).

Gerakan ini mendapat sokongan rakyat Turki kerana kegagalan Kerajaan Sultan Abdul Hamid mempertahankan empayar Khalifah Turki Uthmaniyah selepas Perang Balkan dan Perang Dunia Pertama. Ketika itu, sentimen nasionalisme Turki mula menyebar dalam kalangan rakyat Turki mengatasi semangat mereka sebagai seorang Muslim. Kemuncak kepada sentimen nasionalisme Turki ialah tertubuhnya Republik Turki moden pada tahun 1923 dan terbubarnya institusi khalifah pada tahun 1924 (Yilmaz, C. 2006). Dalam Republik Turki moden ini juga, Mustafa Kamal Ataturk (selepas ini disebut Ataturk) telah bertindak menghapuskan sisa-sisa peninggalan Uthmaniyyah yang berpaksikan Islam kerana dianggap sebagai penghalang kemajuan negara Turki (Luqman Al Hakim & Muhammad Faiz, 2021). Penubuhan Republik Turki didirikan atas prinsip sekularisme dan Kemalisme yang ditinggalkan oleh Ataturk. Sehingga tahun 1950, Turki merupakan sebuah negara autoritarian rejim berasaskan satu parti, yang bukan sahaja tidak membenarkan manifestasi agama khususnya Islam dalam domain awam tetapi juga dalam domain peribadi (Asyraf Hj Ab Rahman et. al. 2015). Pelaksanaan proses sekularisasi Turki disifatkan ramai sarjana sebagai radikal dan keras kerana ianya bukan semata-mata memisahkan agama dari urusan pentadbiran tetapi juga memisahkan agama dari segala urusan kehidupan (Kuru, A. T. 2007). Dalam erti kata lain, sekularisasi Turki turut bertujuan untuk mensekularkan masyarakat Turki itu sendiri. Dengan liberalisasi politik pasca Perang Dunia Kedua, Turki menerima dan mengguna pakai sistem demokrasi berparlimen yang membenarkan penyertaan dan penubuhan parti politik, sekaligus menamatkan pemerintahan autokratik di Turki (Karpat, H. K. 1972). Perubahan politik ini telah memunculkan beberapa gerakan dan parti politik Islam bagi mengembalikan semula pengaruh Uthmaniyah dan nilai Islam yang dikatakan lebih cocok dengan identiti asal bangsa Turki. Meskipun begitu, gerakan politik Islam Turki menerima pelbagai bentuk kekangan oleh "negara terpendam" (*deep state*) yang terdiri daripada aparatus Turki seperti kuasa tentera yang menjadi pelindung kepada prinsip sekularisme Turki serta kekangan perundangan (Burak, B. 2011). Kekentalan sekularisme di Turki membuatkan parti-parti Islam ini berakhir dengan nasib politik yang sama. MNP diharamkan oleh tentera setahun pasca penubuhannya iaitu pada tahun 1971 kerana didakwa bercanggah dengan ideologi Turki yang sekular. MSP pula diharamkan pada tahun 1980 selepas dijatuhkan menerusi kudeta tentera bersama dengan beberapa parti-parti yang lain (Yilmaz, I. 2011).

Selepas pengharaman Parti RP, muncul dua aliran pemikiran dalam menanggapi pembubaran tersebut. Pertama ialah kumpulan tradisionalis dan konservatif Islam (*Gelenekciler*) yang masih berpaksikan Erbakan dan kedua, kumpulan reformis (*Yenilikciler*) yang diketuai oleh Reccep Tayyip Erdogan (selepas ini disebut Erdogan) dan Abdullah Gul (Yilmaz, I. 2014). Erdogan cuba menyesuaikan perjuangan tersebut dalam kerangka Perlembagaan Turki yang sekular. Pendekatan akomodatif ini turut diketengahkan oleh Gulen bahawa keimanan dapat diamalkan secara aman dalam persekitaran yang sekular (Cinar, A. 2011). Memahami dinamika politik sekular di Turki, AKP lebih berwaspada dalam melaksanakan dasar dan agenda Islam. Perubahan-perubahan yang dibuat oleh AKP turut dilaksanakan secara berperingkat. Tindakan AKP ini memberi kelebihan kepada parti tersebut kerana dapat mengelakkan campur tangan pihak tentera serta membuka lebih ruang kepada Erdogan untuk memanfaatkan ruang demokrasi bagi kepentingan politik Islam (Mashitah Sulaiman et. al. 2018). Ternyata, pendekatan pasca Islamisme AKP di Turki yang memberi lebih penekanan kepada prinsip nilai-nilai sejagat seperti hak asasi manusia dan keadilan sosial telah melahirkan wacana silang peradaban antara peradaban Islam dengan peradaban Barat (Kömeçoğlu, U. 2014).

Kejayaan gerakan politik pasca Islamisme Turki di bawah pimpinan Erdogan telah berhasil mengangkat imej Turki sebagai sebuah negara ‘hero’ bagi umat Islam di seluruh dunia. Dalam konteks Turki, AKP secara tidak langsung telah menerapkan tatacara moral berteraskan Islam apabila secara berperingkat melarang kemasukan minuman beralkahol di kafeteria kementerian dan agensi-agensi kerajaan. Kerajaan-kerajaan tempatan yang dikuasai oleh AKP turut melaksanakan tatacara tersebut di ruang awam dengan memberi justifikasi larangan sebagai satu perlindungan kepada kesihatan awam dan bukanlah atas faktor Syariah seperti hujah lazim yang diguna pakai oleh pendukung Islamisme lain. Bukan sekadar itu, AKP turut menerima pelbagai kritikan khususnya daripada puak Kemalis apabila melakukan cubaan untuk meluaskan tatacara moral tersebut ke ruang awam yang lain seperti memisahkan kawasan lelaki dan perempuan di taman dan pantai awam serta memperkenalkan hari khusus untuk menggunakan kolam renang awam bagi wanita sahaja (Karakas, C. 2007).

Kejayaan AKP menerapkan pengamalan Islam secara tidak langsung telah menampilkan wacana pasca Islamisme yang berbeza dengan tradisi Islamisme di negara-negara Islam yang lain termasuklah di Indonesia dan Malaysia. Dalam konteks hubungan

serantau (*regional*) pula, Turki membentuk jalan penyelesaian tersendiri dalam wilayah serantau yang bergolak seperti Syria, Libya, Azerbaijan dan Qatar. Dalam isu Syria, Turki menyelar tindakan kerajaan Syria ke atas rakyatnya sehingga berlaku perang saudara. Sejak tahun 2011, Turki telah mula campur tangan bagi membantu pihak pembangkang di Syria sebelum memutuskan untuk terlibat secara langsung dengan membentuk empat misi ketenteraan di Syria bermula pada tahun 2016 (Bank, A. & Karadag, R. 2012). Turki turut menonjolkan keupayaan diplomasinya apabila bukan sahaja membentuk kestabilan di wilayah tersebut namun berjaya menghalang campur tangan dan penempatan kuasa luar seperti Rusia dan AS di negara Syria (Ataman, M. 2022).

Keterlibatan Turki di wilayah serantau yang bergolak menunjukkan sisi kepimpinan Turki sebagai sebuah negara yang disegani bukan sahaja oleh negara-negara Islam tetapi juga negara Barat seperti AS dan Rusia. Dalam dasar luarnya, AKP berjaya merapatkan semula hubungan diplomasi dengan negara-negara Islam serta beberapa pemimpin Arab yang kontroversi seperti pemimpin Sudan, Omar al-Bashir, pemimpin Hamas, Ismail Haniyeh, serta Muammar Gaddafi (Rabasa et. al. 2008). Ketika lawatan rasmi Erdogan ke beberapa negara Arab seperti Tunisia, Mesir dan Libya pada November 2011, Erdogan secara terbuka telah mengeluarkan kritikan keras ke atas Israel dalam konflik kemanusiaan Palestin (Karmon, M et. al. 2018). Erdogan mengeluarkan kritikan tersebut pasca tragedi "Arab Spring" bagi memberi isyarat bahawa Turki merupakan model baharu politik yang perlu dicontohi oleh negara Islam lain kerana Turki bukan sahaja mampu bertegas dalam konflik Palestin, tetapi turut berjaya mempotretkan Islam sebagai agama yang menjunjung demokrasi dan menolak pendirian authoritarian (Cohen, A. 2013). Kesederhanaan pendekatan politik Turki ini turut memulihkan keyakinan negara Barat khususnya AS ke atas negara majoriti umat Islam seperti Turki serta mengekang pengaruh organisasi militan seperti DAESH. Tindakan Turki mengekalkan keputusannya menghalang AS membina pengkalan ketenteraannya di Turki masih memperlihatkan sisi hero Turki kepada banyak negara Islam.

Turki Dalam Novel *Rona Bosphorus* Dan *Api Tauhid*

Habiburrahman El-Shirazy dan Zaid Akhtar, keduanya adalah penulis penting dalam kesusasteraan pasca Islamisme masing-masing di Indonesia dan Malaysia. Novel mereka iaitu *Ayat-Ayat Cinta* (2004) oleh Habiburrahman El-Shirazy dan *Salju Sakinah* (2010) oleh Zaid Akhtar telah memecah tradisi jumlah penjualan novel sastera sehingga menimbulkan

fenomena novel popular Islam di negara masing-masing (Koh Young Hun & Ummi Hani Abu Hassan 2015). Menarik tentang kedua pengarang ini adalah mereka mempunyai banyak persamaan latar-belakang kehidupan, pendidikan dan kerjaya. Habiburrahman El-Shirazy lahir pada 30 September 1976, hanya lapan bulan berbeza umur dengan Zaid Akhtar yang lahir pada 16 April 1977. Penulis-penulis ini mendalami pendidikan Islam sejak dari sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti. Habiburrahman melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar, Mesir dalam jurusan Hadith, manakala Zaid Akhtar melanjutkan pengajian di Universiti Yarmouk, Jordan dalam bidang Bahasa Arab. Keduanya dibesarkan dalam keluarga yang mementingkan pendidikan Islam sehingga kedua penulis ini mendapat pendidikan tertinggi iaitu Ph.D dalam Pengajian Islam.

Analisis akan menumpukan kepada tiga isu utama berkaitan Turki yang dapat dikategorikan sebagai ciri pasca Islamisme iaitu isu sejarah dan politik Islam serta isu sosial dan masyarakat yang digabung jalinkan dengan isu cinta romantisme. Dalam novel *Api Tauhid* (2015), Habiburrahman El-Shirazy memperlihatkan kekagumannya terhadap Turki dengan mengangkat ketokohan penting Turki terhadap dunia Islam menerusi sosok Badiuzzaman Said An-Nursi. Novel ini menyerlahkan narasi kehidupan Badiuzzaman Said Nursi sebagai mujaddid Islam yang berhadapan dengan ancaman sekularisasi dari dalam dan luar Turki. Beliau ingin memastikan kedudukan Islam dalam legasi pemerintahan Khalifah Uthmaniah. Pengisahan ini dibuat melalui Hamza dan Bilal kepada Fahmi dan Subki yang berasal dari Indonesia ketika mengembara di seluruh Turki. Menerusi *Rona Bosphorus* (2003) pula, Zaid Akhtar turut mengangkat peribadi Badiuzzaman Said Nursi sebagai tokoh yang menjadikan Turki dihormati negara-negara Islam. Pengarang menjelaskan kitab *Risalah I-Nur* tulisan Badiuzzaman Said Nursi menjadi bahan muzakarah atau usrah para mahasiswa Malaysia yang belajar di Istanbul. Secara tidak langsung memperlihatkan pengaruh Islam tradisi Turki kepada masyarakat Melayu. Kedua penulis ini juga meletakkan Sultan Muhammad Al-Fateh sebagai figura yang sinonim dengan Turki khususnya Istanbul dengan masing-masing meletakkan Hadith Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: '*Kota Konstantinopel itu sungguh akan ditaklukkan (oleh umat Islam). Pemimpin yang menaklukkannya adalah sebaik-baik pemimpin dan pasukan yang berada di bawah komandonya adalah sebaik-baik pasukan.'* (Riwayat Ahmad).

Kekuatan sejarah Islam Turki mewujudkan rasa cinta watak-watak utama kepada negara itu. Dalam *Rona Bosphorus*, Afham melanjutkan pengajian peringkat sarjana di Universiti Istanbul kerana kagum dengan peribadi rakannya, seorang pemuda Turki yang Islamik dan kukuh jatidiri. Hal tersebut membuatkan Afham menelusuri bumi Turki dan menyelak kembali sejarah Khalifah Uthmaniah sebelum dijarah pengaruh barat. Sebagai mengukuhkan lagi perasaan kagumnya terhadap Turki, Afham menyambung pengajian peringkat sarjana dalam bidang teologi di Universiti Istanbul. Dia juga berjanji kepada dirinya untuk 'tidak akan pulang ke Malaysia' selagi pengajian sarjananya tidak selesai.

Api Tauhid juga memposisikan keadaan sama iaitu mengangkat watak Hamza, pemuda Turki yang sempurna akhlak dan meninggalkan kesan kekaguman terhadap dua pemuda Indonesia kepada sejarah keagungan Islam Khalifah Uthmaniah. Hamza membawa Fahmi dan Subki menjejaki sejarah Islam Turki sehingga muncul perasaan luar biasa mereka terhadap perjuangan Nabi Muhammad SAW dan para sahabatnya dalam mendapatkan Kota Konstantinopel. Keharuan Fahmi digambarkan seperti berikut:

> *Fahmi seperti menyaksikan langsung bagaimana Sultan Muhammad Al-Fatih sujud syukur. Seketika itu juga Fahmi menghadap kiblat dan sujud syukur, ia bersyukur kepada Allah yang telah memberinya karunia bisa sampai di bumi Sultan Muhammad Al-Fatih, ia bersyukur mengetahui sejarah emas kemenangan pasukan Islam menaklukkan Konstantinopel. Ia bersyukur Allah memberinya kenikmatan yang lebih mahal dari dunia seisinya, yaitu iman dan Islam.* (*Api Tauhid*, h. 186)

Dalam kedua-dua novel, perasaan cinta watak-watak terhadap sejarah Islam Turki kemudiannya bertukar kepada perasaan tidak senang melihat wajah Turki kini yang diselimuti fahaman dan amalan sekularisme. Watak-watak tipa dijadikan penyelamat kepada watak-watak Turki yang terpesong dari ajaran Islam. Pengaruh sekularisme menyebabkan umat Islam Turki meninggalkan jatidiri mereka. Misalnya dalam *Rona Bosphorus*, Dr Marya Ciller, pensyarah di Universiti Istanbul sering meremehkan ajaran Islam. Sebagai balasannya, watak Afham dihadirkan untuk berhujah kembali tentang sifat-sifat wasatiyyah Islam yang berbeza dengan sifat liberalisme dan sekularisme. Kesungguhan Afham menunjukkan impiannya agar Turki kembali menjadi negara yang mengamalkan syariat Islam yang sempurna sebagaimana sejarah Islam Uthmaniah yang agung. Dalam *Api Tauhid*, pengarang menunjukkan bahawa kekaguman masyarakat Turki moden terhadap Eropah menyebabkan mereka meninggalkan syariat Islam. Aysel misalnya selesa mengikut gaya Eropah dalam berpakaian dan pergaulan seharian, malah tidak kekok meninggalkan sembahyang yang

menjadi tiang agama. Lalu pengarang menghadirkan watak Emel, Muslimah Turki penghafaz Al-Quran untuk membimbing Aysel.

Selain isu liberalisme, kedua pengarang juga menyasarkan kekecewaan terhadap isu Bahasa Arab di Turki. Novel *Api Tauhid* menjelaskannya secara sorotan sejarah. Kesan pengharaman Bahasa Arab di Turki pada tahun 1928, menjadikan Bahasa Arab dipandang rendah di era milieu. Hal ini terpantul pada sikap-sikap generasi muda Turki yang tidak berminat mempelajari Bahasa Arab. Dalam *Rona Bosphorus*, Afham dan Amal Hayati bergelut dengan para pelajar sekolah rendah Turki yang mempersoalkan kewajaran kelas Bahasa Arab.

Kedua-dua novel cuba mengembalikan kesedaran terhadap Bahasa Arab yang pernah dipadamkan ketika pemerintahan Kamal Ataturk. Atas rasa cinta kepada bahasa Al-Quran, Afham dan Amal Hayati mengadakan kempen dan motivasi Bahasa Arab di Madrasah Badriyyah. Manakala Hamza cuba mengembalikan kegemilangan Bahasa Arab di Turki menerusi pembacaan sejarah Badiuzzaman Said Nursi yang amat menyintai Al-Quran dan zikir. Tindakan Hamza menginsafkan remaja Turki moden khususnya Aysel untuk merenungi semula jatidiri Muslimnya.

Isu sejarah Islam, liberalisme agama dan Bahasa Arab dalam kedua-dua novel kemudiannya dijalinkan dengan isu cinta romantisme berunsurkan Islam. Novel *Api Tauhid* memaparkan perjalanan cinta Fahmi dan Nuzula. Fahmi seorang penghafal Al-Quran yang sedang belajar di Universiti Madinah. Ibubapa Fahmi adalah orang kampung namun memiliki rasa cinta kepada ilmu agama. Perasaan ini juga mendorong ibubapa Fahmi menyuruh Fahmi berkahwin dengan Nuzula, anak seorang ulamak yang dihormati di daerah mereka. Namun, mereka berdua dilarang bersentubuh selepas akad nikah menyebabkan keduanya memendam perasaan berahi dengan masing-masing tinggal berjauhan iaitu Fahmi di Madinah dan Nuzula di Jakarta. Dalam kehidupan harian Fahmi, kucupan bibir pertama Nuzula sering mengganggu jiwa kelelakiannya. Pengarang kemudiannya memberi ketegangan dalam kisah cinta Fahmi dan Nuzula dengan kehadiran orang ketiga yang menyebabkan Nuzula memohon cerai. Fahmi mengubati jiwanya dengan menyusuri sejarah perjuangan Badiuzzaman Said Nursi di Turki. Dalam pengembaraan tersebut, dua wanita Turki yang jelita jatuh cinta kepadanya iaitu Aysel dan Emel. Walau bagaimanapun, pengarang menyatukan semula Fahmi dan Nuzula di bahagian akhir novel dengan

memusatkan keindahan Istanbul sebagai tempat pertama suami isteri berbulan madu.

Dalam novel *Rona Bosphorus*, Istanbul menjadi tempat pertemuan pertama Afham dan Amal Hayati sehingga kedua remaja Melayu ini memendam perasaan suka antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, cinta romantis mereka hanya terpendam dalam hati masing-masing. Pengarang memberi petunjuk melalui gerakan-gerakan watak untuk menggambarkan perasaan cinta mereka. Misalnya, senyuman Amal Hayati menyebabkan Afham sukar melupakan gadis itu serta kebaikan Afham yang sering membantu Amal Hayati sepanjang di Istanbul menyebabkan hatinya cinta kepada Afham yang diklasifikasikan sebagai lelaki yang sempurna pada ilmu, akhlak dan rupa paras. Namun, pengarang tidak ghairah memperdalamkan perasaan cinta kedua tipa ini kerana masing-masing bertindak sopan sesuai peribadi yang memperjuangkan Al-Quran dan Bahasa Arab di negara Turki moden.

KESIMPULAN

Pasca Islamisme adalah ideologi politik Islam yang telah memasuki arena kehidupan Muslim dalam segenap aspek. Perbincangannya terus berlangsung dan meninggalkan variasi tafsiran terhadap Islam sebagai agama dan Islam sebagai cara hidup Muslim di era moden. Dalam konteks Indonesia dan Malaysia, wacana pasca Islamisme tidak terlepas dari pengaruh negara-negara Islam yang mengamalkan politik demokrasi dan ekonomi liberal khususnya Turki. Kesannya, proses Islamisasi masyarakat digandingkan dengan persoalan hak asasi, kemahuan individu serta budaya popular.

Kesusasteran pasca Islamisme adalah satu contoh bagaimana ruang-ruang keinginan masyarakat cuba digandingkan dengan isu-isu umat Islam global. Dapatan analisis novel *Api Tauhid* dan *Rona Bosphorus* membuktikan para pengarang yang lahir dalam gerakan Islamis kemudiannya menyesuaikan kandungan novel mereka dengan kemahuan massa khususnya cinta romantik. Kedua-dua novel ini juga menonjolkan Turki sebagai negara hero umat Islam dari sudut sejarah pemerintahan Khalifah Uthmaniyah sehingga ke zaman Badiuzzaman Said Nursi serta usaha-usaha memanifestasikan pasca Islamisme kini. Dalam waktu yang sama, kedua-dua pengarang menggunakan keindahan Turki guna melahirkan perasaan cinta fitrah antara lelaki dan wanita. Kajian berpandangan, kedua-dua pengarang menggunakan tema yang menepati kehendak semasa umat Islam sebagai strategi dakwah yang berkesan melalui kesusasteraan pasca Islamisme.

PENGHARGAAN

Para pengkaji mengucapkan terima kasih kepada Hankuk University of Foreign Studies, Seoul kerana memberikan dana penyelidikan di bawah geran Hankuk University of Foreign Studies Research Fund of 2026.

RUJUKAN

Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2018). Islamisme dan Bahananya, Cabaran Besar Politik Malaysia Abad 21. Pulau Pinang: Penerbit USM.

Ahmad Fauzi Abdul Hamid & Che Hamdan Che Mohd Razali. (2016). Middle Easten Influences on Islamist Organizations in Malaysia: the Cases of ISMA, IRF and HTM. In Trends in Southeast Asia. Singapura: ISEAS Yusof Ishak Institute.

Ahmad Munawar Ismail & Abdul Muhaimin Mahmood. (2022). Pemikiran Al-Ghazali tentang Hubungan antara Muslim dengan Muslim dan Muslim dengan Non Muslim. Islamiyyat 44 (Isu Khas), 61-70.

Ahmad Munawar Ismail & Zakaria Stapa. (2019). Liberalisme dan Pemikiran Pemimpin Muslim di Malaysia. Islamiyyat 41 (2), 39-49.

Ana Sabhana Azmy & Amri Yusra. (2020). Pandangan Politik Jaringan Islam Liberal di Indonesia. Academic Journal of Islamic Principles and Philosophy 1 (2), 145-174.

Anif Sirsaeba. (2006). Fenomena Novel Ayat-Ayat Cinta. Jakarta: Penerbit Republika.

Asef, B. (2007). Making Islam Democratic: Social Movements and the Post-Islamist Turn. Stanford: Stanford University Press.

Asef, B. (2017). Post Islamism at Large. In Post-Islamism: The Changing Faces of Political Islam. London: Oxford University Press.

Asyraf Hj Ab Rahman, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Fadzli Adam, Nooraihan Ali & Daud Ismail. (2015). The Consequences of Ataturk's Secularization on Turkey. Asian Social Science 11(21), 350–54. https://doi.org/10.5539/ass.v11n21p350. Retrieved on: 3 Januari 2023.

Ataman, M. (2022). AK Party Foreign Policy: The Regional Context. SETA Foundation for Political, Economic and Social Research. https://www.setav.org/en/ak-party-foreign-policy-the-regional-context/. Retrieved on: 3 Januari 2023.

Bank, A. & Karadag, R. (2012). The Political Economy of Regional Power: Turkey under the AKP. SSRN Electronic Journal September 2012. https://www.researchgate.net/publication/256034117_The_Political_Economy_of_Regional_Power_Turkey_Under_the_AKP/link/5ecd314f458515294510ab70/download?_tp=eyJjb250ZXh0Ijp7ImZpcnN0UGFnZSI6InB1YmxpY2F0aW9uIiwicGFnZSI6InB1YmxpY2F0aW9uIn19 . Retrieved on: 5 Januari 2023.

Bart, B. (2012). Sonic Discourses on Muslim Malay Modernity: The Arqam Sound. Contemporary Islam 6, 315-340.

Burak, B. (2011). The Role of the Military in Turkish Politics: To Guard Whom and From What?. European Journal of Economic and Political Studies 4 (1), 143–69.

Çakmak, D. (2009). Pro-Islamic Public Education in Turkey: The Imam-Hatip Schools. Middle Eastern Studies 45(5), 825–46. https://doi.org/10.1080/00263200903135596. Retrieved on : 5 Januari 2023.

Çınar, A. (2011). The Justice and Development Party: Turkey's Experience with Islam, Democracy, Liberalism, and Secularism. International Journal of Middle East Studies 43 (3), 529–41. https://doi.org/10.1017/S0020743811000651 . Retrieved on: 6 Januari 2023.

Cohen, A. (2013). The Alarming Evolution of US-Turkish Relations. Begin-Sadat Centre for Strategic Studies, 9–25.

Colak, Y. (2006). Ottomanism vs . Kemalism : Collective Memory and Cultural Pluralism in 1990s Turkey. Middle Eastern Studies 42(4), 587–602. https://doi.org/10.1080/00263200600642274. Retrieved on: 5 Januari 2023.

Dressler, M. (2015). Secularism And Reform Of The Islamic State In The Late Young Turk Period. International Journal of Middle East Studies 47(3), 511–31.

Dominik, M. M. (2013). Post-Islamism or Pop Islamism? Ethnographic Observations of Muslim Youth Politics in Malaysia. Paideuma: Mitteilungen zur Kulturkunde 59, 261-284.

Farish Noor. (2015). Popular Religiousity in Indonesia Today, The Next Step After Islam Kultural. Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies 53 (2), 283-302.

Göğüş, S. İ. & Mannitz, S. (2016). The World Culture Entered Turkey: New Conflict Lines and the Challenges for Democratic Consolidation in Turkey. In The Ambivalent Role of the AKP in the Turkish Democratization Process. Frankfurt: Peace Research Institute Frankfurt.

Gol, A. (2009). The Identity of Turkey: Muslim and Secular. Third World Quarterly 30(4), 795–811. https://doi.org/10.1080/01436590902867383. Retrieved on: 5 Januari 2023.

Gülalp, H. (2005). Enlightenment by Fiat: Secularization and Democracy in Turkey. Middle Eastern Studies 41(3), 351–72. https://doi.org/10.1080/00263200500105984. Retrieved on: 6 Januari 2023.

Habiburrahman El-Shirazy. (2015). Api Tauhid. Jakarta: Penerbit Republika.

Hamka. (2018a). Tafsir Al-Azhar Juzuk 12. Selangor: PTS Publishing House.

Karakas, C. (2007). Islam and Laicism Between the Interests of State, Politics, and Society. PRIF Reports 78, 27–36 https://www.prif.org/fileadmin/HSFK/hsfk_downloads/prif78.pdf. Retrieved on: 6 Januari 2023.

Karmon, E. & Barak, M. (2018). Erdogan's Turkey and the Palestinian Issue. Perspectives on Terrorism 12(2), 74–85.

Karpat, H. K. (1972). Political Developments in Turkey, 1950-70. Middle Eastern Studies 8(3), 349–75.

Kili, S. (1980). Kemalism in Contemporary Turkey. International Political Science Review 1(3), 381–404.

Kömeçoğlu, U. (2014). Islamism, Post-Islamism, and Civil Islam. Current Trends in Islamist Ideology 16, 16–32.

Koh, Y. H. & Ummi Hani Abu Hassan. (2015). Fenomena Novel Popular Islam di Malaysia dan Indonesia: Bacaan Khusus Terhadap Novel Ayat-Ayat Cinta dan Salju Sakinah. Jurnal Melayu 14 (1), 92-102.

Kuru, Ahmet T. (2007). Passive and Assertive Secularism: Historical Conditions, Ideological Struggles, and State Policies toward Religion. World Politics 59 (4), 568–94. https://doi.org/10.1353/wp.2008.0005. Retrieved on: 6 Januari 2023.

Luqman Al Hakim & Muhammad Faiz. (2021). The Role of the Turkey Secularization Movement in The Collapse of The Ottomans Empire. Tasfiyah: Jurnal Pemikiran Islam 5, 191–110.

Makdisi, U. (2002). Ottoman Orientalism. The American Historical Review 107(3), 768–96.

Mashitah Sulaiman & Mohammad Redzuan Othman. (2018). Kenaikan Dan Kejatuhan Parti-Parti Berlandaskan Islam Di Turki, 1970- 2002. Jurnal Kinabalu 21, 42-75. https://doi.org/10.51200/ejk.v0i0.858. Retrieved on: 6 Januari 2023.

Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. (2015). Sekularisme Dan Proses Demokrasi Di Turki: Pemerkasaan Islam Dan Kepimpinan Erdogan. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Zariat Abdul Rani. (2012). Islam, Romance and Popular Taste in Indonesia: A Textual Analysis of Ayat-Ayat Cinta by Habiburrahman El-Shirazy and Syahadat Cinta by Taufiqurrahman Al-Azizy. Indonesia and The Malay World 40 (116), 59-73.

Muhammad Khalis Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor. (2018). Perkembangan Islam Di Turki Menerusi Pendekatan Politik : Satu Sorotan Sejarah. Research in Islamic Studies 5(2), 17–34. https://doi.org/10.15364/ris2018-0502-02. Retrieved on: 7 Januari 2023.

Norrodzhoh Haji Siren. (2013). Retorik Penulisan Dakwah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Nurazmi Kuntum. (1991). Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rabasa, A & Larrabee F. S. (2008). The AKP in Power. In The Rise of Political Islam in Turkey. Santa Monica: RAND Corporation. https://www.rand.org/content/dam/rand/pubs/monographs/2008/RAND_MG726.sum.pdf. Retrieved on: 6 Januari 2023.

Ungku Maimunah Mohd Tahir (Ed.). (2016). Islam dan Pengaruh Barat Dalam Kritikan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ummi Hani Abu Hassan & Awang Azman Awang Pawi. (2019). Romantik, Kaya dan Sempurna: Representasi Pasca Islamisme dalam Novel Ayat-Ayat Cinta 2 Karya Habiburrahman El-Shirazy. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication 35 (4) (2019), 440-454.

Yilmaz, I. (2011). Beyond Post-Islamism: Transformation of Turkish Islamism Toward 'Civil Islam' and Its Potential Influence in the Muslim World. European Journal of Economic and Political Studies 4 (1), 245-280.

Yilmaz, I. (2014). Post-Secularism, Post-Islamism and Islam in the Public Sphere. In Modern Islamic Thinking and Activism: Dynamics. In the West and in the Middle East edited by John T., Erkan & Leman. Belgium: Leuven University Press.

Zaid Akhtar. (2002). Rona Bosphorus. Kuala Lumpur: Utusan Publication.